



SIARAN AKHBAR

S.A. 2019/12/87 (HQ)

PANDUAN PENGGUNAAN ELEKTRIK SEBELUM BERCUTI

Tenaga Nasional Berhad (TNB) menasihatkan orang ramai yang merancang untuk meninggalkan kediaman masing-masing sempena cuti Krismas dan cuti akhir tahun untuk mengamalkan beberapa panduan penggunaan elektrik yang praktikal dan bijak tenaga.

Berikut adalah beberapa panduan yang boleh diamalkan bagi memastikan peralatan elektrik di rumah berada dalam keadaan baik dan selamat sepanjang percutian anda:

- 1) Menutup suis peralatan elektrik yang tidak digunakan dan menanggalkan palam bagi mengelakkan arus elektrik terus mengalir;
- 2) Mempertimbangkan penggunaan alat pengukur masa (timer) supaya lampu tidak dipasang 24 jam sehari (untuk keselamatan / mengelakkan kecurian);
- 3) Memastikan semua soket dalam keadaan baik dan tidak dibebankan dengan penyesuai (adapter) berlebihan;
- 4) Memastikan peralatan elektrik yang perlu dipasang berada dalam keadaan baik;
- 5) Membuka gulungan wayar sambungan tambahan (extension wire) sepenuhnya untuk mengelakkannya menjadi terlalu panas jika digunakan; dan
- 6) Menguji Pemutus Litar Arus Baki (PLAB) atau Residual Current Circuit Breaker (RCCB). Sebaik-baiknya, ia dilakukan sebulan sekali. Rujuk laman web www.tnb.com.my atau Facebook TNB CareLine untuk mengetahui cara-cara menguji PLAB.

Sekiranya berlaku gangguan bekalan elektrik, para pengguna dinasihatkan untuk menghubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan TNB di talian 15454 atau Facebook TNB CareLine untuk mendapatkan bantuan.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 24 Disember 2019, jam 11.00 pagi

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid di talian 013-3626923 /
Grace Tan di talian 016-6626229 / Nasir Aziz di talian 018-9434524
atau emel ke media@tnb.com.my*